

Kriteria Kepuasan Hidup Daripada Perspektif Wanita Pertengahan Usia Bekerjaya Di Hulu Langat, Selangor

The Criteria of Life Satisfaction from The Perspectives of Middle-aged Career Women in Hulu Langat, Selangor

Siti Marziah Zakaria¹, Nasrudin Subhi², Nor Bakyah Ab. Kadir³ & Khaidzir Ismail⁴

ABSTRAK

Kepuasan hidup merupakan penilaian seseorang tentang kehidupan yang sedang dilaluinya. Kertas kerja ini bertujuan meneroka kriteria kepuasan hidup wanita bekerjaya pertengahan usia di Hulu Langat, Selangor, berdasarkan kepada nas hadith. Kajian menggunakan kaedah kualitatif melalui teknik temu bual mendalam untuk mendapat input daripada subjek. Seramai 10 orang subjek telah dipilih melalui persampelan bertujuan. Mereka adalah wanita pertengahan usia yang berumur antara 40 hingga 59 tahun, bekerja dan menetap di Hulu Langat, Selangor dan berpendapatan tetap. Responden dipilih daripada pelbagai latar belakang pendidikan, pekerjaan dan status kesihatan untuk mendapat perspektif yang pelbagai mengenai kepuasan hidup. Input kajian dianalisis dengan menggunakan teknik analisis bertema. Kajian mendapati kesemua responden bersetuju bahawa pasangan yang soleh, kediaman yang luas, kenderaan yang selesa dan jiran yang baik mempengaruhi kepuasan hidup. Walau bagaimanapun, mereka mencadangkan kriteria yang berbeza dan pelbagai kepada domain-domain tersebut. Kriteria bagi pasangan yang soleh ialah beriman, memahami dan bertanggungjawab. Manakala kediaman yang luas bermaksud kediaman yang mempunyai bilik yang mencukupi dan ruang tamu untuk aktiviti keluarga. Kenderaan yang selesa pula menurut responden ialah kenderaan yang memudahkan urusan mereka tetapi tidak membebankan kewangan. Akhirnya, jiran yang baik juga penting untuk kepuasan hidup dan mereka mestilah boleh dipercayai, bertegur sapa dan tidak mengganggu. Dapatan kajian ini memberi input kepada kaunselor, pekerja sosial dan pegawai psikologi klinikal dalam membantu mereka merancang program bagi meningkatkan kepuasan hidup wanita.

Kata Kunci: Kepuasan Hidup; Wanita Bekerjaya; Pertengahan Usia; Kediaman Yang Luas; Kenderaan Yang Selesa

ABSTRACT

Life satisfaction is one's evaluation towards their own life. This paper attempts to explore middle-aged career women's perception towards life satisfaction in Hulu Langat, Selangor, with reference to hadith. The study employed a qualitative method, via in-depth interview to acquire input from the subjects. A total of 10 subjects had been selected through purposive sampling. They were middle-aged women at the age of 40 to 59 years old, working and living in Hulu Langat, Selangor, and have a fixed salary. The subjects had been selected from a varied educational background, employment, and health status to gain multiple perspectives of life satisfaction. Research inputs had been analysed by adopting thematic analysis technique. Research suggests all respondents agreed that having a religious spouse, spacious

¹ Siti Marziah Zakaria, Pensyarah Kanan, UKM, marziah@ukm.edu.my

² Nasrudin Subhi, Pensyarah Kanan, UKM, nas2572@ukm.edu.my

³ Nor Bakyah Ab. Kadir, Professor Madya, UKM, aknbayah@ukm.edu.my

⁴ Khaidzir Ismail, Professor, UKM, izay@ukm.edu.my

residence, comfortable vehicle and good neighbours affecting life satisfaction. However, different and various criteria are proposed by respondents. Criteria for a religious partner are pious, understanding and responsible. Meanwhile, spacious residence means ample rooms and living room for family activities. Meaning of comfortable vehicle, according to respondents is a vehicle that is convenient for everyday use but does not cause the financial burden. Finally, good neighbours are also important and contribute to life satisfaction. They must be trustworthy, greeting one another and respect others' privacy. Findings of this study provide inputs for the counsellor, social worker, and clinical psychology officer in planning programmes to enhance life satisfaction among women.

Keywords: *Life Satisfaction; Career Women; Middle-aged; Spacious Residence; Cosy Vehicle*

Pengenalan

Kepuasan hidup menggambarkan pengalaman-pengalaman yang memberi kesan kepada persepsi seseorang tentang kepuasan hidupnya. Pengalaman-pengalaman hidup yang positif akan memotivasikan individu untuk terus mencapai matlamat hidupnya (Bailey et al. 2007). Pengalaman-pengalaman positif yang telah dilalui tentunya memberi kesan yang positif kepada penghargaan sendiri. Seterusnya, penghargaan sendiri, mood dan emosi, personaliti, persekitaran, nilai, budaya serta pandangan seseorang tentang kehidupan akan memberi kesan kepada kepuasan hidup (Bailey et al. 2007). Kepuasan hidup umum datang daripada nilai peribadi seseorang dan apa yang dianggapnya penting dalam hidup. Contohnya, keluarga mungkin aspek yang paling penting bagi kebanyakan individu. Namun, ada juga yang menganggap nilai material dan wang lebih penting daripada keluarga, terutamanya dalam kalangan golongan yang sering ditindas daripada segi ekonomi (Georgellis et al. 2009).

Kajian-kajian mengenai kepuasan hidup telah kerap dilakukan di luar negara, seperti Amerika Syarikat, Korea, Australia dan China (Ayo et al., 2009; Berg 2011; Sener 2011). Kajian ini menilai kepuasan hidup daripada persepsi wanita, remaja, warga tua, pekerja dan sebagainya. Penilaian dibuat berdasarkan soal selidik yang standard, mahu pun temu bual. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas tidak mendalami persepsi responden terhadap kepuasan hidup berdasarkan kepada domain-domain kebahagiaan hidup yang disebut oleh agama. Dalam Islam, terdapat hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibban iaitu: *“Empat perkara yang membawa kebahagiaan iaitu isteri (pasangan) yang solehah, rumah yang luas, jiran yang baik dan kenderaan yang selesa”*. Empat perkara ini disebut secara umum. Maka, kriteria keempat-empat perkara tersebut tentunya bergantung kepada individu untuk menilai dan membuat keputusan.

Kebahagiaan atau kegembiraan kerap kali difahami sebagai sejauh mana seseorang selesa atau berpuas hati dengan kehidupan mereka (Veenhoven, 2006). Dengan kata lain, ia merujuk kepada tahap penilaian seseorang kepada kehidupan mereka secara keseluruhan. Elemen yang paling penting dalam definisi ini ialah penilaian subjektif, atau dengan kata lain kepuasan hidup (Veenhoven, 2006). Analisis ke atas Al-Quran dan Hadis mendapati bahawa perkataan yang kerap disebut bagi menggambarkan kepuasan hidup ialah kebahagiaan dan ketenangan (sakinah). Allah berfirman dalam surah al-Fath, ayat 4 yang bermaksud *“Dialah yang telah menurunkan ketenangan ke dalam hati orang-orang mukmin supaya keimanan mereka bertambah di samping keimanan mereka (yang telah ada)”*.

Kajian-kajian lepas ke atas kepuasan hidup mendapati kecenderungan kebanyakan pengkaji untuk mengukur kepuasan hidup secara umum. Sebagai contoh Praag et al. (2010) menganalisis kepuasan hidup keseluruhan dan kepuasan kewangan dalam kalangan rakyat Israel yang terdiri daripada bangsa Yahudi dan Arab. Begitu juga dengan Song (1992) yang mengkaji pengaruh faktor psikologi sosial ke atas kepuasan hidup warga tua Korea. Hutchinson et al. (2004) juga percaya tahap kepuasan hidup boleh diukur dengan bertanya kepuasan hidup responden secara keseluruhan. Soalan ditanyakan secara jelas dan terus, iaitu; “adakah anda berpuas hati dengan kehidupan anda secara keseluruhan?” Daripada skor ini, ramalan kepuasan hidup akan ditentukan daripada segi umur, status perkahwinan dan pekerjaan.

Walaupun wujud persetujuan tentang apa yang menyumbang kepada kepuasan hidup atau kehidupan yang baik, tetapi Diener (1984) percaya bahawa individu biasanya akan meletakkan penilaian atau pertimbangan yang tidak sama kepada kriteria-kriteria itu. Setiap individu pastinya mempunyai kriteria tersendiri tentang apa yang dikatakan sebagai kehidupan yang baik. Pada setiap aspek-aspek kehidupan mereka, seperti kerjaya, keluarga, perhubungan dan sebagainya, piawaian mengenai kejayaan dalam aspek-aspek tersebut adalah berbeza. Penerokaan ini penting untuk menentukan kriteria utama yang dipersetujui oleh majoriti responden. Lantaran itu, kajian yang dijalankan ini akan meneroka kriteria bagi domain-domain kepuasan hidup yang telah disebut dalam nas hadith.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah temubual mendalam ke atas 10 orang responden daripada kalangan wanita pertengahan usia bekerja di Hulu Langat, Selangor. Antara kriteria responden adalah wanita berumur 40 hingga 59 tahun, bekerja dan menetap di Hulu Langat, Selangor dan berpendapatan tetap. Pemilihan responden untuk kajian kualitatif ini adalah berdasarkan kepada teknik perbezaan maksimum (maximum variation). Teknik ini bermakna responden perlu dipilih berdasarkan kepada perbezaan latar belakang mereka. Responden dalam kajian kualitatif ini mempunyai pelbagai latar belakang lokasi, pendidikan, pekerjaan dan tahap kesihatan. Kepelbagaian latar belakang ini penting bagi mendapatkan perspektif yang pelbagai tentang kepuasan hidup. Walau bagaimanapun, kesemua responden adalah wanita berkahwin, kerana penyelidik tidak mendapat kerjasama daripada wanita bujang dan janda/balu untuk terlibat dalam kajian ini.

Temubual dijalankan dengan menggunakan soalan separa berstruktur, untuk memberi kebebasan kepada responden menghuraikan dengan terperinci persepsi mereka terhadap kepuasan hidup berdasarkan empat domain yang dicadangkan dalam hadis. Transkrip temubual seterusnya telah dianalisis dengan menggunakan teknik analisis bertema. Analisis ini mencari perkataan yang kerap disebut oleh responden dalam menjawab setiap soalan. Perkataan yang kerap berulang tersebut akan menjadi tema bagi menggambarkan dapatan kajian. Hasil temubual telah disahkan melalui prosedur pemeriksaan ahli (members check) dan pandangan rakan sebaya (peer review).

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Pandangan mereka tentang kriteria-kriteria kepuasan hidup berdasarkan apa yang disebut hadis telah diteliti. Secara dasarnya, hadis riwayat Ibn Hibban menyebut empat domain yang mempengaruhi kepuasan atau kebahagiaan hidup, iaitu; isteri (pasangan) yang soleh, jiran yang baik, kediaman yang luas dan kenderaan yang selesa. Hadis tersebut berbunyi: *"Empat perkara yang membawa kebahagiaan ialah wanita yang solehah, rumah yang luas, jiran yang baik dan kenderaan yang selesa."* (Hadis Riwayat Ibnu Hibban).

Pasangan yang beriman, bertanggungjawab dan memahami

Pasangan yang soleh boleh dianggap sebagai aspek terpenting yang mempengaruhi kepuasan hidup. Berdasarkan analisis bertema, pasangan yang soleh ditafsirkan sebagai pasangan yang beriman, bertanggungjawab dan memahami. Hampir kesemua responden bersetuju bahawa pasangan yang soleh atau solehah bermakna pasangan yang beriman. Bagi mereka, agama adalah tunjang kehidupan. Apabila mereka beriman, cabaran-cabaran dalam hidup dapat ditangani dengan mudah. Pasangan yang beriman juga sentiasa menjaga maruah mereka dan maruah pasangan masing-masing. Responden 7 menegaskan bahawa suami soleh ialah suami yang menjaga solatnya dan selalu berjemaah dengan isteri. Ini dipersetujui oleh responden 4 dan 6 yang menyuarakan bahawa suami yang soleh boleh membimbing hidup pasangannya di dunia mahu pun di akhirat. Beliau menyuarakan:

"Dia boleh bimbing hidup di dunia mahu pun akhirat dan sebagai ketua keluarga, dalam hidup kita dia yang paling berhak membuat keputusan."

(Pn. Anis, 45 tahun, Kerani)

Pasangan yang soleh juga bermakna pasangan yang bertanggungjawab. Salah seorang responden mengutarakan bahawa suami mesti mampu memberi nafkah zahir dan batin. Mereka juga berpendapat bahawa suami seharusnya dapat membantu isteri melakukan kerja rumah untuk meringankan beban isteri. Sebagaimana yang dipersetujui oleh Responden 5 bahawa suami yang soleh ialah suami yang boleh membantu isteri. Responden 1 pula berpendapat bahawa pasangan yang soleh akan mempelajari dan mempraktikkan tanggungjawabnya dengan baik:

Pasangan yang soleh akan tahu, dan jika tak tau, akan pelajari tanggung jawab masing-masing dan berazam untuk melaksanakannya dengan baik, adil dan ikhlas... Suami dan anak-anak juga boleh diagihkan tugas ringan dalam rumah seperti melipat baju, sapu sampah, atur pinggan di meja dan lain-lain..

(Pn. Zeti, 59 tahun, Konsultan)

Kriteria yang terakhir bagi pasangan yang soleh ialah memahami. Sebagai contoh, salah seorang responden berpendapat bahawa seorang pasangan tidak boleh terlalu mengongkong pasangannya. Jika perkara yang ingin dilakukan oleh pasangannya adalah perkara yang baik, ia haruslah digalakkan. Responden ini menyatakan:

Pasangan yang soleh dan solehah juga bererti menerima dan menggalakkan perkara-perkara yang positif dalam hidup seperti kebebasan untuk memberi pandangan dan penyertaan dalam aktiviti yang memberi impak positif terhadap hidup seperti melaksanakan kerjaya, berekreasi, senaman, berjumpa kawan-kawan akrab, menyertai badan-badan amal dan lain-lain.

(Pn. Anis, 45 tahun, Kerani)

Suami perlu memahami kerjaya isterinya setelah dia bersetuju untuk membenarkan isterinya bekerja. Dia perlu memahami keterbatasan masa, bidang tugas dan tuntutan kerjaya isterinya. Responden 2 menyuarakan:

Pasangan yang baik tu kena memahami kerjaya isterinya, tak boleh nak cerewet sangat. Contohnya, kalau sama-sama bekerja, jangan tetapkan pelbagai peraturan, seperti isteri kena ada kat rumah bila dia balik rumah. Bila suami sakit, isteri kena ambil cuti. Suami kena faham la kerja isteri.

(Pn. Aini, 53 tahun, Usahawan)

Responden 5 menambah bahawa suami perlu memahami kesibukan isteri bekerja dan menguruskan rumah tangga. Kadang-kala dia perlu bertolak-ansur. Sikap sebeginilah yang boleh menjamin keharmonian rumah tangga, terutamanya bagi wanita yang bekerja. Suami perlu bekerjasama dalam melaksanakan tugas menguruskan anak-anak dan rumah. Responden 5 berkata:

“Suami yang soleh ni kita nak yang boleh tolong kita. Kalau kita sibuk, dia boleh bertolak ansur.”

(Pn. Suhana, 53 tahun, Pemilik Taska)

Kediaman yang luas

Kediaman juga merupakan domain yang disebut sebagai kunci kebahagiaan hidup dalam hadis. Kediaman yang selesa dianggap sebagai domain kepuasan hidup bagi kebanyakan responden. Dua sub-tema yang boleh dikeluarkan daripada dapatan ialah kediaman yang mempunyai bilik yang cukup dan ada ruang istirehat. Kediaman yang luas bagi responden adalah satu bonus jika mempunyai kemampuan untuk memilikinya. Bagi mereka, paling penting, rumah yang dimiliki dapat memberi perlindungan kepada semua ahli keluarga. Ia perlu mempunyai bilik yang cukup untuk pemisahan anak-anak lelaki dan perempuan, di samping bilik untuk ibu bapa dan para tetamu.

Responden 3, 4 dan 8 juga bersetuju dengan pernyataan bahawa kediaman perlu mempunyai bilik yang cukup sekurang-kurang 3 bilik, iaitu bilik untuk ibu bapa, anak lelaki dan anak perempuan. Sebagai tambahan, responden 4 menyatakan rumah yang berkeluasan sederhana adalah terbaik kerana memudahkannya untuk menjaga kebersihan dan kekemasan rumah. Beliau mengutarakan:

“Kalau rumah bagi akak, tak perlulah yang luas sangat sebab tak larat nak kemas kan. Rumah yang sedang, yang sederhana tapi ada semua. Ada kemudahan. Bilik yang cukup. Sekurang-kurangnya 1 bilik anak perempuan, 1 bilik anak lelaki.”

(Pn. Anis, 45 tahun, Kerani)

Rumah yang selesa juga bermakna rumah yang ada ruang istirehat atau ruang tamu. Responden 1 dan 8 mencadangkan bahawa ruang tamu atau ruang istirehat juga penting untuk semua ahli keluarga berkumpul dan melakukan aktiviti bersama. Majoriti masyarakat Malaysia mempunyai televisyen di setiap rumah. Televisyen biasanya diletakkan di ruang tamu sebagai pusat aktiviti keluarga. Responden 1 menyatakan:

Rumah sederhana luasnya mencukupi untuk memenuhi hak-hak ahli keluarga seperti

privacy bilik tidur untuk ibu bapa, anak perempuan, anak lelaki dan tetamu yang ingin bermalam. Ada ruang istirehat untuk keluarga di mana semua ahli-ahli keluarga akan duduk bersama menonton TV, berbual, bermain dan lain-lain lagi.

(Pn. Zeti, 59 tahun, Konsultan)

Kenderaan yang praktikal

Domain lain kepuasan hidup ialah memiliki kenderaan yang praktikal. Kenderaan yang praktikal menurut responden ialah kenderaan yang dapat memenuhi keperluan dan tidak membebankan kewangan. Keperluan untuk ke tempat kerja dan menghantar anak ke sekolah mungkin tidak memerlukan kereta yang mewah atau berjenama. Apa yang penting, bagi responden 2 ialah, kenderaan yang dipandu menyenangkannya. Kenderaan yang kecil sudah memadai jika ianya boleh memenuhi keperluan. Untuk tujuan menguruskan perniagaan atau perjalanan jarak jauh contohnya, kenderaan yang lebih tahan lasak diperlukan seperti kenderaan pelbagai guna. Responden 2 menyatakan:

“Kenderaan yang selesa ialah kenderaan yang menyenangkan, bukannya menyusahkan. Senang bergerak ke mana-mana. Tak semestinya besar....”

(Pn. Aini, 53 tahun, Usahawan)

Responden 3 juga bersetuju bahawa kenderaan yang dimiliki perlulah dapat memenuhi keperluan dan memudahkan urusannya sebagai seorang ibu kepada enam orang anak. Katanya:

“Kenderaan itu kalau ikutkan bergantung kepada kita la, kalau rasa Toyota [sedan] pun dah ok, okla. Tapi kalau anak ramai, kena besarla.”

(Pn. Nik, 46 tahun, Usahawan)

Kemampuan kewangan perlu diutamakan dalam pemilihan kereta. Kos petrol dan kos penyelenggaraan adalah faktor yang perlu difikirkan selain daripada bayaran bulanan. Ada kereta yang murah, tetapi, kos penyelenggaraan dan kos petrol mahal. Membeli kereta terpakai juga kadang kala lebih membebankan kewangan kerana perlu kerap membaiki dan menyelenggara. Responden 1 berpendapat:

“Faktor penting dalam pemilihan kereta yang selesa perlu utamakan keperluan dan kena cost-effective. Juga perlu utamakan keupayaan kewangan.”

(Pn. Zeti, 59 tahun, Konsultan)

Responden 5 juga bersetuju bahawa kemampuan kewangan sangat kritikal untuk dipertimbangkan sebelum memilih kereta. Beliau lebih selesa dengan kereta buatan Malaysia, bukannya berjenama hebat, sebagaimana katanya:

“Macam kereta [Myvi] yang saya ada sekarang ni pun dah ok. Janji dia jangan meragam. Tak perlulah kereta yang besar, yang high class ke. Kereta yang sederhana yang tak kena maintenance tinggi.”

(Pn. Suhana, 53 tahun, Pemilik Taska)

Jiran yang baik

Jiran juga merupakan domain yang penting untuk kepuasan hidup. Jiran yang baik boleh memberi ketenangan dan kedamaian hidup. Bahkan, seorang Muslim disarankan melihat kepada siapa jirannya sebelum dia memilih rumah untuk didiami. Jiran yang baik tidak mengganggu kehidupan orang lain dan berusaha untuk merapatkan hubungan sesama mereka. Sebanyak tiga kriteria timbul daripada analisis dapatan, iaitu kriteria boleh dipercayai, bertegur-sapa dan tidak mengganggu.

Dapatan kajian mendapati terdapat beberapa kriteria jiran yang baik. Kriteria yang paling penting adalah sifat boleh dipercayai. Kadang kala kita perlu menaruh kepercayaan kepada jiran untuk menjaga rumah atau untuk melaporkan sekiranya berlaku sesuatu musibah di rumah, terutamanya apabila kita berada di luar rumah. Bagi wanita bekerjaya, peranan jiran tentunya penting terutamanya jika mereka memiliki anak yang masih kecil. Di saat kita memerlukan bantuan, jiran adalah orang yang paling diharapkan untuk membantu. Jika berlaku kecemasan, pertolongan jiran diperlukan untuk memudahkan urusan. Hubungan kejiranan yang kuat juga dapat mengurangkan kes-kes jenayah kerana mereka saling mengambil berat dan bekerjasama membanteras jenayah:

“Jiran yang baik tu ialah jiran yang tidak busy body, boleh bantu kita di waktu kita memerlukan, boleh faham kita, boleh bertolak ansur dan boleh tolong tengok-tengokkan rumah apabila kita tiada”

(Pn. Aini, 53 tahun, Usahawan)

Hal ini turut dipersetujui oleh responden 7, 8 dan 6.

Komunikasi juga penting dalam hubungan antara jiran. Kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka memerlukan jiran yang boleh bertegur sapa. Tanpa komunikasi, bagaimana mungkin hubungan dapat dieratkan dan suasana kejiranan yang ceria dapat diwujudkan. Sebagaimana yang dicadangkan oleh responden 5, 7, 8 dan 3, perlu ada komunikasi yang baik antara jiran. Responden 5 mencadangkan:

“Kena jiran yang bertegur sapa la kan. Yang tidak mengguris perasaan. Kalau dapat yang macam tu macam sampah yang tak boleh nak buang la kan. Yang jenis buat cerita...”

(Pn. Suhana, 53 tahun, Pemilik Taska)

Ini disokong oleh responden 6 yang menyuarakan bahawa perlu ada sifat ramah dan bermanis muka antara jiran tetangga selain daripada boleh dipercayai. Beliau menambah:

“Bagi saya antara ciri-ciri jiran yang baik ialah peramah, selalu tersenyum, hulurkan makanan sesama jiran dan selalu tengok-tengokkan rumah apabila balik kampung.”

(Pn. Ika, 47 tahun, Pembantu Pejabat)

Jiran yang tidak mengganggu jiran yang lain juga boleh dianggap sebagai kriteria penting kerana apabila wujudnya pelbagai bangsa dan agama hidup bersama, ini tentunya memerlukan toleransi dan persefahaman antara jiran tetangga. Dalam mengamalkan amalan agama masing-masing, seorang jiran juga perlu sensitif dengan perasaan jiran yang lain. Sebolehnya mereka perlu mengelakkan diri daripada mengganggu dan menimbulkan ketidakselesaan jiran yang lain dengan bunyi bising dan sebagainya. Responden 3 mencadangkan:

“Tengok konteks juga, tinggal di bandar atau di kampung. Kalau di kampung tu, jika ada kenduri, kenala turut serta membantu. Kalau di bandar ni, mungkin bertegur sapa dan jangan mengganggu jiran yang lain.”

(Pn. Nik, 46 tahun, Usahawan)

Berdasarkan penerokaan ke atas setiap domain kebahagiaan tersebut, kajian mendapati wanita yang ditemu bual memiliki pandangan yang hampir sama tentang kriteria-kriteria yang diperlukan. Bagi pasangan yang soleh, mereka berpendapat bahawa dia mestilah seorang yang beriman, bertanggung jawab, boleh membantu dan memahami. Kediaman yang luas pula bagi responden adalah kediaman yang mempunyai bilik yang cukup dan ada ruang istirehat. Wanita pertengahan usia yang ditemu bual juga berpandangan bahawa kenderaan yang selesa bukanlah kenderaan yang mahal atau model ternama. Tetapi, cukuplah kenderaan yang dapat memenuhi keperluan dan tidak membebankan kewangan. Kriteria jiran yang baik pula adalah jiran yang tidak mengganggu, boleh dipercayai dan bertegur-sapa.

Kajian-kajian lepas sering kali mendapati bahawa pasangan yang baik adalah antara domain kepuasan hidup wanita. Konstruk yang biasa digunakan untuk menggambarkan pasangan yang baik adalah perkahwinan yang membahagiakan. Sebagai contoh, kajian oleh Kousha dan Moheen (2004) dalam kalangan wanita berkahwin dan tidak berkahwin di Iran mendapati bahawa wanita berkahwin mengaitkan kepuasan hidup dengan faktor perkahwinan. William dan Cooper (2004) juga menegaskan bahawa perkahwinan yang tidak membahagiakan hanya akan meningkatkan lagi risiko masalah mental dalam kalangan wanita berkahwin. Ini turut disokong oleh Hasnain et al. (2011) yang mendapati bahawa wanita mengaitkan kepuasan hidup mereka dengan pemboleh ubah perhubungan seperti perkahwinan. Aspek sosio-ekonomi kurang diberikan perhatian oleh mereka, terutamanya dalam kalangan wanita tidak bekerja.

Domain lain yang ditekankan ialah kediaman yang luas. Domain kediaman telah dicadangkan dalam beberapa kajian yang lepas. Antaranya Rojas (2004) mencadangkan bahawa domain ekonomi menyumbang kepada kepuasan hidup. Domain ekonomi mengambil kira kepuasan dengan kediaman dan keadaan hidup, kuasa beli dan hutang. Kaitilla (1993) turut memberi kriteria kepada kepuasan kediaman, antaranya adalah saiz bilik tidur, ruang makan dan ruang tamu. Beliau menegaskan bahawa kualiti fizikal rumah mempengaruhi keseluruhan kepuasan kediaman. Arnold dan Lang (2006) juga bersetuju bahawa kediaman yang luas penting untuk kesejahteraan keluarga. Pengkaji tersebut menjalankan kajian ke atas 24 keluarga di Los Angeles, yang mana kedua ibu bapa bekerja, mempunyai anak kecil dan memiliki rumah sendiri. Justeru, kebanyakan kajian lalu mencadangkan kualiti dan ruang rumah sebagai indikator bagi kepuasan kediaman. Ini selaras dengan domain kepuasan hidup yang dicadangkan oleh kajian yang sedang dijalankan ini, iaitu kediaman yang luas. Responden dalam kajian kualitatif ini juga mencadangkan bahawa sesuatu kediaman mestilah mempunyai bilik yang cukup dan ruang istirehat untuk aktiviti keluarga.

Aspek kenderaan juga turut dipersetujui sebagai domain lain yang menyokong kepuasan hidup. Kenderaan yang selesa bagi mereka adalah yang dapat memenuhi keperluan atau praktikal dan tidak membebankan kewangan. Ini disokong oleh Cutler & Coward (1992) yang mengkaji hubungan antara kenderaan peribadi dan kepuasan hidup dalam kalangan 104 warga tua. Kajian mendapati bahawa kira-kira 2/3 daripada warga tua yang memiliki kenderaan peribadi mempunyai kepuasan hidup yang stabil dan semakin meningkat dalam tempoh 2 1/2 tahun kajian dijalankan. Warga tua yang tidak memiliki kenderaan pula didapati

mempunyai kepuasan hidup yang semakin menurun.

Ini menunjukkan bahawa kenderaan memainkan peranan yang penting kepada kepuasan serta kualiti hidup, walaupun dalam fasa-fasa terakhir kehidupan. Walau bagaimanapun, kajian mengenai kenderaan dan kepuasan hidup tidak begitu diberi tumpuan dalam bidang psikologi. Namun begitu, di zaman yang serba pantas dan maju ini, kenderaan tentunya merupakan satu keperluan yang penting. Wanita juga tidak terkecuali daripada keperluan ini, terutamanya apabila tinggal di bandar-bandar dan bekerjaya pula. Kenderaan bukan hanya dapat memenuhi keperluan hidup wanita, tetapi juga keluarga mereka, terutamanya anak-anak.

Aspek jiran yang baik pula sering disebut sebagai jaringan sosial dalam kebanyakan kajian. Jaringan sosial terdiri daripada kenalan, sahabat, rakan sekerja dan jiran. Balachandran (2007) mendapati bahawa wanita mempunyai kepuasan hidup yang rendah kerana memiliki jaringan sosial yang terhad dan kesunyian yang tinggi. Begitu juga dengan Diener dan Fujita (1995) yang membuktikan bahawa sokongan sosial dan jaringan sosial merupakan peramal utama kepuasan hidup dalam kalangan wanita. Bagi wanita yang tinggal di bandar, jiran tentunya merupakan individu yang paling dekat dengan kehidupannya, terutamanya apabila saudara mara tinggal berjauhan. Peranan jiran sebagai jaringan sosial penting di saat mereka dalam kesusahan, ditimpa penyakit, menghadapi kehilangan dan sebagainya (Nicholas, 2009).

Selain itu, berdasarkan kajian meta-analisis, Cummins (1996) menegaskan bahawa kepuasan hidup boleh diukur berdasarkan kepada 7 domain, termasuklah komuniti. Domain-domain yang lain adalah kesejahteraan material, kesihatan, produktiviti, intimasi, keselamatan dan kesejahteraan emosi. Begitu juga dengan Rojas (2004) yang mencadangkan persekitaran komuniti sebagai salah satu domain kepuasan hidup selain daripada kesihatan, ekonomi, pekerjaan, keluarga, persahabatan dan peribadi. Persekitaran komuniti mengambil kira aspek-aspek perkhidmatan komuniti, keselamatan kejiwaan, kepercayaan kepada penguasa tempatan dan kepuasan dengan kejiwaan. Ini disokong oleh Kaitilla (1993) yang menyebut bahawa persekitaran rumah atau kejiwaan juga akan menentukan kepuasan perumahan. Kajian-kajian tersebut menyokong dapatan kajian kualitatif ini yang mendapati bahawa jiran yang baik adalah antara domain kepuasan hidup.

Kesimpulan

Kesimpulannya, wanita pertengahan usia bekerjaya di Hulu Langat, Selangor mengemukakan pelbagai pandangan dan persepsi mengenai kriteria-kriteria yang perlu ada dalam keempat-empat domain kepuasan hidup yang dicadangkan dalam hadis. Ternyata kesemua mereka bersetuju bahawa pasangan yang soleh, kediaman yang luas, jiran yang baik dan kereta yang selesa amat mempengaruhi kepuasan hidup. Dapatan ini dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai keperluan wanita pertengahan usia. Ia boleh membantu para kaunselor, pekerja sosial dan penggubal polisi dalam merancang program dan dasar untuk wanita. Pihak Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat seharusnya lebih peka dengan isu-isu berkaitan dengan perkahwinan, kejiwaan, perumahan dan pengangkutan kerana ia berkait rapat malah mempengaruhi kepuasan hidup wanita bekerjaya pertengahan usia. Kriteria-kriteria yang disebutkan dalam kajian ini boleh memberi input kepada semua pihak yang terlibat dalam kebajikan dan pembangunan wanita.

Justeru, pandangan-pandangan wanita yang ditemu bual mengenai kepuasan hidup sangat bertepatan dengan apa yang disebut oleh nas hadith yang telah dipetik. Jelas sekali wanita, terutamanya wanita pada pertengahan usia sangat mementingkan aspek-aspek tersebut untuk memberikan mereka kebahagiaan dan makna dalam hidup. Elemen yang penting tentunya pasangan yang baik buat mereka. Pasangan yang baik iaitu beriman, bertanggung jawab dan memahami cukup untuk memberi mereka kepuasan hidup. Wanita pada usia ini tidak begitu memandang kekayaan dan kemewahan. Mereka sangat bersederhana dan mudah berpuas hati dengan apa yang dimiliki. Malah, kebanyakan wanita yang ditemu bual meluahkan rasa syukur dengan apa yang telah dimiliki. Oleh itu, mereka tidak meminta kediaman yang mewah, di lokasi yang terkenal. Kediaman yang mempunyai bilik yang cukup sudah memadai bagi mereka. Begitu juga dengan kenderaan.

Aspek jiran juga turut diberikan penekanan oleh wanita pertengahan usia. Ini menggambarkan bahawa wanita memilih untuk hidup secara kolektif, dengan mempunyai jaringan sosial yang baik dan mesra. Mereka menyedari kepentingan berjiran dan inginkan kehidupan yang harmoni dalam kejiranan. Ini selaras dengan saranan Islam supaya umat manusia berkenal-kenalan dan berbaik-baik. Islam melarang perbuatan mengumpat, mencerca dan memaki manusia lain. Islam juga menilai setiap kebaikan yang dilakukan oleh umatnya, walau pun sebesar zarah, seperti memberikan senyuman. Apatah lagi perbuatan baik terhadap jiran, seperti memberi makanan kepada jiran dan membantu jiran yang dalam kesusahan.

Rujukan

- Arnold, J.E. & Lang, U.A. (2007). Changing American home life: trends in domestic leisure and storage among middle-class families. *Journal of Family Economic*, 28 (1): 23-48. <https://doi.org/10.1007/s10834-006-9052-5>.
- Ayo, H.T., Henry, S., & Adebukola, K.T. (2009). Psychosocial variables as predictors of work-family conflict among secondary school teachers in Irele local government area, Ondo State, Nigeria. *Pakistan Journal of Social Sciences* 6 (1): 11-18.
- Bailey, T., Eng, W., Frisch, M. & Snyder, C.R. (2007). Hope and optimism as related to life satisfaction. *Journal of Positive Psychology* 2 (3): 168-179.
- Balachandran, M., Rakhee, A.S. & Sam Sananda, R.H. (2007). Life satisfaction and alienation of elderly males and females. *Journal of the Indian Academy of Applied Psychology* 33 (2): 157-160.
- Berg, J.A. (2011). The stress of caregiving in midlife women. *The Female Patient* 36: 33-35.
- Cummins, R.A. (1996). The domains of life satisfaction: An attempt to order chaos. *Social Indicator Research* 38: 303-332.
- Cutler, S.J. & Coward, R.T. (1992). Availability of personal transportation of household of elders: Age, gender and residence references, *The Gerontologists* 32 (1):77-81.
- Diener E. (1984). Subjective well-being. *Psychological Bulletin* 95 (3): 542-575.
- Diener, C. & Fujita, F. (1995). A study on life satisfaction. In L. Sousa, S. Lyubomirsky. *Life Satisfaction*. New Jersey: Prentice Hall.
- Hasnain, N., Ansari, S.A., & Sethi, S. (2011). Life satisfaction and self-esteem in married and unmarried working women. *Journal of The Indian Academy of Applied Psychology* 37 (2): 316-319.
- Hutchinson, G., Simeon, D.T., Bain, B.C., Wyatt, G.E., Tucker, M.B. & Lefranc, E. (2004). Social and Health determinants of well being and life satisfaction in Jamaica.

- International Journal of Social Psychiatry* 50 (1): 43-53.
- Kaitilla, S. (1993). Satisfaction with Public Housing in Papua New Guinea. *Environment and Behavior*, 25 (3): 514 – 545. <https://doi.org/10.1177/0013916593253005>.
- Kousha, M. & Moheen, N. (2004). Predictors of life satisfaction among urban Iranian women: An exploratory analysis. *Journal of Social Indicators Research* 40 (3): 320-357.
- Nichols, T. (2009). Social Isolation: The Association between Low Life Satisfaction and Social Connectivity. Paper presented at WOCN Society 41st Annual Conference, June 6-10, 2009.
- Praag, B.M.S., Romanov, D., & Carbonell, A.F. (2010). *Happiness and Financial Satisfaction in Israel; Effects of Religiosity, Ethnicity, and War*. Unpublished manuscript.
- Rogers, C.R. (1951). *Client-centered Therapy: Its Current Practice, Implications, and Theory*. Boston: Houghton Mifflin.
- Sener, A. (2011). Emotional support exchange and life satisfaction. *International Journal of Humanities and Social Science* 1(2): 79-88.
- Song, Y. I. (1992). Life satisfaction of the Korean American Elderly from a Socio-psychological Analysis. *Korea Journal of Population and Development* 21 (2): 225-241.
- Veenhoven, R. 2006. *How do we assess how happy we are? Tenets, implications and tenability of three theories*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam ‘New Directions in the Study of Happiness: United States and International Perspectives’, University of Notre Dame, USA, October 22-24, 2006.
- Williams, J.C. & Cooper, H.C. (2004). The public policy of motherhood. *Journal of Social Issues* 60: 849-865.